

06 SEP 1997

PENGURUS DANA ASING KINI ADALAH PELABUR SERIUS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengurus dana asing yang kini berada di negara ini merupakan pelabur yang serius yang ingin melihat harga saham naik.

"Mereka telah kembali ke pasaran, itu tidak syak lagi," katanya kepada pemberita pada hari kedua perhimpunan agung UMNO di sini.

Lebih daripada 12 pengurus dana yang menemui penasihat ekonomi kepada kerajaan Tun Daim Zainuddin, semalam dan hari ini, telah menyatakan minat mereka untuk memasuki semula pasaran saham. Satu lagi pertemuan dijadualkan Isnin ini.

Perdana Menteri berkata tidak seperti pemanipulasi yang hanya bermain-main dengan pasaran untuk meraih keuntungan bagi diri mereka sendiri, pengurus dana yang dimaksudkan itu adalah pelabur yang serius.

"Mereka tidak mahu melihat harga saham menjunam kerana mereka membelinya pada harga yang lebih tinggi. Jika saham jatuh, mereka akan kerugian. Jadi...mereka ingin melihat harga saham naik," tambahnya.

Katanya Daim telah menemui mereka untuk memberi penjelasan mengenai kedudukan sebenar pasaran dan tindakan yang diambil oleh kerajaan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa sungguhpun taraf saham ditetapkan ke atas 100 komponen Indeks Komposit telah ditarik balik, kerajaan masih melarang penjualan pendek dan tidak akan membenarkan bank meminjamkan saham atau memberi jaminan untuk menyerahkan saham, atau sebarang bentuk manipulasi.

Jualan pendek atau jualan jangka turun merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang pespekulasi yang menjual saham yang tidak dimilikinya (selalunya dengan meminjam daripada inventori broker) dengan beranggapan bahawa saham tersebut akan jatuh harganya beberapa hari kemudian, dan pada hari tersebut akan dibelinya balik saham tersebut dengan harga yang murah dan seterusnya akan memulangkan balik saham tersebut kepada broker. -- BERNAMA

SHO/AD SIA